

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

**Peperiksaan Semester Kedua
Sidang Akademik 1996/97**

APRIL 1997

RMK 458/4 - Amalan Profesional

Masa: 3 jam

Sila pastikan bahawa kertas peperiksaan ini mengandungi **DUA** mukasurat yang tercetak sebelum anda memulakan peperiksaan ini.

Jawab mana-mana **EMPAT** soalan sahaja.

1. (a) Pemilik sebuah Firma Arkitek bercadang untuk mengambil satu langkah agresif bagi mendapatkan peluang-peluang kerja yang baru. Senaraikan strategi yang boleh beliau lakukan tanpa menjejaskan kod etika praktisnya.

(b) Apakah kriteria-kriteria yang terkandung di dalam sesebuah dokumen tawaran tender? Dalam pemilihan kontraktor bagi sesuatu projek binaan, apakah faktor yang perlu dipertimbangkan untuk memastikan kontraktor yang terpilih adalah yang terbaik?

(25 markah)
2. (a) Terangkan bidang-bidang amalan yang boleh dilakukan oleh seseorang Perancang Bandar berdaftar mengikut Akta 538-Akta Perancang Bandar 1995.

(b) Sebagai seorang Perancang Bandar berdaftar, huraikan tanggungjawab profesionalnya dengan orang awam dan dengan ahli profesional lain.

(25 markah)
3. Bezakan antara Lembaga Jurutera Malaysia dengan Institusi Jurutera Malaysia.

Lembaga Jurutera Malaysia mempunyai Kod Etika Profesionalnya. Senarai dan bincangkan secara ringkas tiap-tiap satu kod etika tersebut.

(25 markah)
4. Dalam konteks kejuruteraan, senaraikan **EMPAT** pelan yang perlu diserahkan dan diluluskan oleh pihak berkuasa tempatan sebelum kerja di tapak boleh dimulakan. Huraikan kehendak utama **DUA** daripada pelan tersebut.

(25 markah)

5. "Menjadi seorang Juruukur Bahan bertauliah bermakna memikul banyak tanggungjawab serta mematuhi kod etika yang sedia termaktub dalam Kod Etika Profesion berkenaan"

Bincangkan apakah peranan seseorang ahli profesional ukur bahan dari sudut perkhidmatan 'terbaik', serta tanggungjawabnya terhadap klien dan masyarakat secara umum.

(25 markah)

6. "Juruukur Bahan bukan sahaja berperanan di dalam industri binaan yang berkaitan dengan bidang bangunan dan infrastruktur malah boleh juga memberi sumbangan di dalam bidang kejuruteraan berat dan industri gas dan minyak."

Bincangkan.

(25 markah)

-ooo00ooo-